



**ANUGERAH:** Prof Dr Murnizam (lima kiri) bersama penerima Anugerah Jasa Setia 20 Tahun dan Anugerah Jasa Bakti 10 Tahun. Turut kelijahan Prof Dr Abdullah (lima kanan) dan Zamri (empat kiri).

# UMSKAL rai kakitangan yang berkhidmat 20 tahun

UB 8.10.2019 5

**LABUAN:** UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengadakan Majlis Penghargaan Kakitangan UMSKAL 2019 yang telah berkhidmat selama 10 dan 20 tahun.

Pada majlis itu, seramai 12 kakitangan telah menerima Anugerah Jasa Setia 20 Tahun yang masing-masing menerima sijil penghargaan dan sebatang pen.

Turut menerima sijil penghargaan ialah 17 pegawai dan kakitangan yang menerima Anugerah Jasa

Bakti 10 Tahun.

Semua anugerah disampaikan oleh Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Haji Halik di Bilik Sri Menanti, Bangunan Menara pada Isnin lalu.

Turut hadir Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Prof Dr Abdullah Gani dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohamad Tuah.

Pada majlis itu, tiga pemimpin turut menerima hadiah pertandingan Jom Bayar

anjuran Sektor Kewangan UMSKAL.

Dalam ucapan ringkasnya, Dr Murnizam berkata UMS sentiasa menghargai sumbangan kakitangan apakah lagi yang telah berkhidmat selama 20 tahun dan 10 tahun.

Katanya, sumbangan pegawai, pensyarah dan kakitangan pelaksana dalam pelbagai bidang akan sentiasa dikenang sekali gus membantu membangunkan UMS dan UMSKAL khususnya sebagai sebuah IPTA yang

berwibawa di negara ini.

Justeru itu, beliau berharap kakitangan yang menerima penghargaan itu akan terus menjalankan tugas dan perkhidmatan mereka dengan baik serta berkongsi ilmu dan pengalaman dengan rakan sejawat masing-masing.

“Kongsilah ilmu dan pengalaman selama 20 dan 10 tahun itu dengan rakan sejawat yang sekali gus membantu membangunkan UMS dan UMS Labuan secara keseluruhan,” katanya.